



PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Tarikh

Muka Surat: 1/15



PINDAAN: 1


PROSEDUR UTAMA

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN SETEMPAT (OSC)

MDKT-OSC-01

DISEDIAKAN OLEH:	DILULUSKAN OLEH:
	
NAMA: TIFLA BIN MOHD ADDI Setiausaha	NAMA: SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT Yang Dipertua
JAWATAN: Majlis Daerah Kota Tinggi	JAWATAN: Majlis Daerah Kota Tinggi

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 2/15
		PINDAAN: 1


1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan bagi memastikan tindakan memproses permohonan cadangan pemajuan diuruskan dengan cekap, teratur, mematuhi semua peraturan yang ditetapkan berdasarkan kaedah sebagaimana yang terkandung di dalam Buku Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat [Edisi Kedua] 2008 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

2. SKOP PELAKSANAAN

Prosedur ini digunakan oleh Unit Pusat Setempat Pembangunan bagi menyelaraskan permohonan cadangan pemajuan merangkumi Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Pelan Landskap, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan dengan aktiviti berikut:-

- Penerimaan permohonan
- Semak permohonan
- Pendaftaran
- Edaran kepada Jabatan Teknikal
- Pemantauan Ulasan Teknikal
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- Pemakluman kepada pemohon

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 3/15
		PINDAAN: 1

3. RUJUKAN


- 3.1 - Manual Kualiti
- 3.2 - Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- 3.3 - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- 3.4 - Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- 3.5 - Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- 3.6 - Undang- undang kecil Kerja Tanah MDKT 1995
- 3.7 - Akta Arkitek 1967 (Akta 117)
- 3.8 - Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138)
- 3.9 - Buku Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat [Edisi Kedua] 2008 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- 3.10 - Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil. 7 Tahun 2008

4. DEFINISI

4.1 CADANGAN PEMAJUAN

Cadangan Pemajuan melibatkan pelbagai aktiviti, proses dan cadangan penyediaan dokumen-dokumen tertentu. Tafsiran yang berkaitan adalah:-

"bangunan" termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan atau tidak digunakan sebagai kediaman manusia, dan apa-apa tembok, pagar, pelantar, perancah, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, papan dendeng, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan atau jambatan, dan apa-apa struktur, topang atau asas yang bersambung pada atau dengan mana-mana daripada struktur itu;

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 4/15
		PINDAAN: 1


'kerja bangunan' ertinya meruntuhkan, mendirikan, mendirikan semula atau meluaskan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya dan termasuklah:-

- a. Apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai suatu bangunan;
- b. Membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagian daripadanya;
- c. Apa-apa tambahan atau perubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin akan menjejaskan susunan saluran atau kebersihannya atau keteguhannya;
- d. Apa-apa tambahan atau perubahan kepada suatu bangunan, sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan tau tentuan berkenaan dengan bangunan itu, yang diluluskan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan dan tentuan itu;
- e. Apa-apa tambahan atau perubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan secara material atau mungkin akan menjejaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara; dan
- f. Apa-apa kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan.

"kerja kejuruteraan" termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan atau memasang kabel, sesalur atau menyediakan bekalan air atau saluran;

"kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentu atau menggangu mana-mana tanah;

"Laporan Cadangan Pemajuan" termasuklah laporan mengenai sesuatu cadangan pemajuan yang hendak dicadangkan dan dibuat kepada pihak berkuasa perancang

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 5/15
		PINDAAN: 1

tempatan serta perlu mengikut bentuk, mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan dan bayaran yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 21A(1) Akta 172.

"**pelan susun atur**" ertinya pelan cadangan pemajuan secara berskala dan termasuklah:-


- a. Pelan yang menunjukkan aturan atau perancangan umum bangunan dan sebagainya;
- b. Sebahagian daripada pelan tempatan yang direka bentuk secara terperinci sebagai asas rujukan pembangunan; dan
- c. Pelan yang menunjukkan susunan ruang dalam sesebuah bangunan atau kawasan;

"**pemajuan**" ertinya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada. Di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah; dan 'memajukan' hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

"**perindustrian**" termasuklah pembinaan atau penyenggaraan kilang, bengkel, fondri, gudang, limbungan, jeti, keretapi atau bangunan atau pemasangan lain untuk mengilang, melebur, pengeluaran dan penyebaran kuasa, penyimpanan, pemasangan, pemprosesan, pengangkutan atau penyebaran barang-barang;

"**perlombongan**" termasuklah aktiviti-aktiviti untuk mengeluarkan, memindah, menggali atau menggunakan apa-apa bahan batuan yang terdapat di dalam atau di atas tanah;

"**pertanian**" termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran atau pokok-pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 6/15
		PINDAAN: 1

bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan pertanian hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"tanah" termasuklah:-


- a. Permukaan bumi, dan segala benda yang menjadi permukaan bumi;
- b. Segala benda di bawah permukaan bumi;
- c. Segala tumbuh-tumbuhan dan keluaran semula jadi yang lain, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;
- d. Segala benda, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi, yang bercantum pada bumi atau yang terpasang kekal pada apa-apa benda yang bercantum pada bumi;
- e. Tanah yang diliputi air; dan
- f. Apa-apa harta atau kepentingan mengenai, atau hak ke atas tanah.

4.2 **PERUNDING**

Seorang Perancang Bandar Berdaftar yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) atau seorang yang diperuntukkan kuasa mengemukakan permohonan cadangan pemaajuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

ATAU

Seseorang arkitek yang didaftarkan sebagai seorang Arkitek di bawah Akta Arkitek 1967 (Akta 117) dan mana – mana undang-undang berhubung dengan pendaftar Arkitek dan yang dibenarkan di bawah undang-undang itu menjalankan amalan dan urusan sebagai seorang arkitek.

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 7/15
		PINDAAN: 1

ATAU

Seseorang jurutera yang didaftarkan sebagai Jurutera Bertauliah di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) dan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran jurutera dan yang di bawah undang-undang itu dibenarkan menjalankan amalan atau urusan sebagai Jurutera Bertauliah.

ATAU

Seseorang Pelukis Pelan Bangunan berdaftar di bawah Akta Arkitek

4.3 **JABATAN TEKNIKAL DALAMAN**


Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kesihatan Majlis Daerah Kota Tinggi

4.4 **JABATAN TEKNIKAL LUARAN**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Pentadbir Tanah Daerah, Pejabat Tanah Galian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Alam Sekitar, Indah Water Konsortium, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Mineral dan Geosains, Syarikat Air Johor Ranhill Berhad, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Penerbangan Awam serta Pihak Berkuasa Pembangunan (seperti MADA dll) dan jabatan teknikal lain yang berkaitan

4.5 **PROJEK BINA KEMUDIAN JUAL (BKJ)**

Konsep BKJ yang telah dipersetujui oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di seluruh negara ialah BKJ Sebahagian tetapi mengikut varian 10:90.

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 8/15
		PINDAAN: 1

Ini bermakna semasa Perjanjian Jual Beli ditandatangani, pembeli dikehendaki membayar 10% daripada harga jualan dan bakinya, iaitu 90% diselesaikan apabila rumah siap dengan CFO atau CCC dan diserahkan pemilikan kosong

4.6 **PROJEK IMPAK TINGGI**

Projek yang mempunyai kesan pengganda yang signifikan serta mempunyai impak sosioekonomi yang tinggi, yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi, agihan, kualiti hidup dan pembangunan modal insan serta pelaksanaan yang mudah dan cepat melalui system penyampaian program dan projek yang efektif dan efisien.

Asas-asas pemilihan projek impak tinggi adalah seperti berikut:

- Impak sosial yang tinggi dan quick-win
- Mudah dan cepat untuk dilaksanakan
- Kesan pengganda yang signifikan
- Impak serta merta ke atas pendapatan dan kualiti hidup
- Sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dan agihan
- Sumbangan terhadap pembangunan modal insan


4.7 **PROJEK PELABURAN ASING**

Perolehan hartanah oleh kepentingan asing daripada kepentingan tempatan dan kepentingan asing yang lain merangkumi;

- Apa-apa perolehan hartanah yang akan dibangunkan sebagai projek pembangunan selain dari unit kediaman; dan
- Kepentingan asing hanya dibenarkan memperoleh hartanah selain dari unit kediaman yang bernilai melebihi RM150,000 tanpa had bilangan.

Kepentingan asing ditakrifkan sebagai sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi:

- (a). individu bukan warganegara Malaysia; atau
- (b). syarikat atau institusi asing (melainkan pegangan efektif dinyatakan); atau

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 9/15
		PINDAAN: 1

(c). syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana pihak di butiran (a) dan/atau (b) memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan


4.8 **PROJEK KERAJAAN**

Projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan atau anak syarikat kerajaan atau projek kerajaan yang dilaksanakan oleh pihak swasta

4.9 **MESYUARAT JAWATANKUASA OSC**

Terdiri daripada:

- 1 Yang Dipertua PBT,
- 2 Timbalan Yang Dipertua/ Setiausaha Majlis,
- 3 Ketua Unit Pusat Setempat,
- 4 Wakil-wakil Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri,
- 5 Pejabat Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah,
- 6 Jabatan Kerja Raya,
- 7 Jabatan Pengairan dan Saliran,
- 8 Jabatan Alam Sekitar,
- 9 Tenaga Nasional Berhad,
- 10 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
- 11 Syarikat Air Johor,
- 12 Jabatan Mineral dan Geosains,
- 13 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
- 14 Indah Water Konsortium,
- 15 Jabatan Perancang PBT,
- 16 Unit Lanskap PBT,
- 17 Jabatan Kesihatan PBT,
- 18 Jabatan Bangunan PBT,

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 10/15
		PINDAAN: 1

- 19 Jabatan Kejuruteraan PBT,
20 4 orang ahli Majlis dan
21 lain-lain wakil jabatan teknikal yang berkaitan


5. SINGKATAN

5.1 PENJAWATAN

MDKT	-	Majlis Daerah Kota Tinggi
YDP	-	Yang Dipertua Majlis
SU	-	Setiausaha Majlis
KJ	-	Ketua Jabatan.
KU OSC	-	Ketua Unit OSC
PPPB	-	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
PPS	-	Penolong Pegawai Senibina
PJ	-	Penolong Jurutera
PT	-	Pembantu Tadbir
PO	-	Pembantu Operasi
JKOSC	-	Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan

5.2 JABATAN TEKNIKAL LUAR

PTD	-	Pentadbir Tanah Daerah
PTG	-	Pejabat Tanah Dan Galian
JPS	-	Jabatan Pengairan Dan Saliran
TNB	-	Tenaga Nasional Berhad
JAS	-	Jabatan Alam Sekitar
IWK	-	Indah Water Konsortium
JMG	-	Jabatan Mineral Dan Geosains
JBPM	-	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
SAJ	-	Syarikat Air Johor Ranhill Berhad

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh
		Muka Surat: 11/15
		PINDAAN: 1


- | | | |
|-----------|---|--|
| JPBD | - | PLANMalaysia@Negeri (Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri) |
| JPn | - | Jabatan Pertanian |
| JPA (DCA) | - | Jabatan Penerbangan Awam |
| SKMM | - | Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia |

5.3 JABATAN TEKNIKAL DALAMAN

- | | | |
|------|---|--|
| JPPL | - | Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap PBT |
| JJ | - | Jabatan Kejuruteraan PBT |
| JK | - | Jabatan Kesihatan PBT |


5.4 DOKUMEN

- | | | |
|-----------|---|--|
| KPPA | - | Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Am |
| LCP | - | Laporan Cadangan Pemaajuan |
| RSN | - | Rancangan Struktur Negeri |
| RTD | - | Rancangan Struktur Tempatan |
| BORANG B1 | - | Makluman OSC Kepada Pemohon |
| BORANG B2 | - | Permohonan Berasingan OSC Kepada Jabatan Induk |
| BORANG B3 | - | Permohonan Serentak OSC Kepada Jabatan Induk |
| BORANG B4 | - | Permohonan OSC Kepada Jabatan Teknikal |
| BORANG B6 | - | Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Kepada Pemohon |

	<p style="text-align: center;">PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</p> <p style="text-align: center;">MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</p>	Tarikh
		Muka Surat: 12/15
		PINDAAN: 1

6. TANGGUNGJAWAB

JAWATAN	TANGGUNGJAWAB
JKOSC	Bertanggungjawab untuk menyelaraskan, mengawal dan memantau proses kelulusan permohonan pembangunan tanah dan pemajuan tanah
	Bertanggungjawab mengurussetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC, memastikan ianya berjalan lancar, mengambil minit mesyuarat dan menghasilkan cabutan Mesyuarat Jawatankuasa OSC
	Mengedarkan keputusan rasmi perakuan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada jabatan induk, Agensi Teknikal luaran yang berkaitan dan PTD
	Menyediakan perakuan minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada Mesyuarat Majlis Penuh
	Mengemaskini rekod-rekod permohonan ke dalam Portal OSC

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT	Tarikh
	MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Muka Surat: 13/15
		PINDAAN: 1

7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
PJ/PPPBD/PT	<p>Penerimaan Permohonan</p> <p>Terima Borang Pengemukakan Permohonan Cadangan Pemajuan daripada pemohon seperti Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, pelan kejuruteraan</p> <p>Penerimaan dibuat sama ada secara manual di kaunter OSC atau secara atas Talian melalui aplikasi sistem OSC Online. (sekiranya berkaitan)</p>
PJ/PPPBD	<p>Semakan Permohonan</p> <p>Buat semakan berdasarkan Senarai Semak</p> <ul style="list-style-type: none"> - MDKT.OSC.B.KM.01, - MDKT.OSC.B.KM-MPT.01, - MDKT.OSC.B.PB.01, - MDKT.OSC.B.PKTJP.01, - MDKT.OSC.B.PLJ.01, MDKT.OSC.B.PL-LTA.01, - MDKT.OSC.B.PS-MPT.01 <p>Semakan permohonan dibuat sama ada secara manual di kaunter OSC atau secara atas talian melalui aplikasi system OSC Online. (sekiranya berkaitan)</p>
PJ/PPPBD	<p>Permohonan Lengkap</p> <p>Permohonan yang lengkap akan diterima dan didaftarkan. Sekiranya tidak lengkap permohonan akan dikembalikan kepada pemohon</p>



**PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT**

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Tarikh

Muka Surat: 14/15

PINDAAN: 1

PJ/PPPPDD	<p>Pendaftaran</p> <p>Permohonan yang lengkap akan didaftarkan di dalam Buku Daftar Fail Permohonan OSC.</p> <p>Sediakan surat kepada jabatan teknikal berkaitan untuk mendapatkan ulasan.</p> <p>Sediakan surat pemakluman kepada pemaju/ pemohon/ pemilik untuk pemberitahuan tempoh masa jangkaan permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).</p>
KU OSC/PO	<p>Semak surat dan tandatangan surat untuk edaran surat kepada jabatan teknikal berkaitan.</p>
PO	<p>Rekod surat ke dalam fail untuk rujukan.</p>
	<p>Merekod Ulasan Teknikal</p>
PT	<p>Merekod ulasan Agensi Teknikal yang diterima ke dalam Portal OSC dan ke dalam fail permohonan.</p>
PJ/PPPB	<p>Memantau ulasan Agensi Teknikal di dalam OSC Online. (sekiranya berkaitan)</p>
	<p>Penyediaan Kertas Kerja Permohonan</p>
PJ/PPPBD/PT	<p>Menyemak ulasan Agensi Teknikal yang terlibat dan menyediakan Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p>
PO	<p>Cetak kertas kerja permohonan.</p>



**PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT**


MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Tarikh

Muka Surat: 15/15

PINDAAN: 1

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)	
KU OSC/PJ/PPPBD	Tetapkan tarikh mesyuarat dan sediakan agenda Mesyuarat.
KU OSC	Semak dan tandatangan surat panggilan mesyuarat OSC.
PO	Hantar surat panggilan mesyuarat OSC. Rekod surat ke dalam fail.
KU OSC	Bentang kertas kerja cadangan pemajuan untuk pertimbangan mesyuarat OSC.
PJ/PPPBD/PT	Sediakan minit mesyuarat dalam tempoh 3 hari selepas tarikh mesyuarat.
PO	Edar minit dalam tempoh 7 hari selepas di tandatangani oleh Pengerusi mesyuarat kepada ahli mesyuarat.
Pemakluman Kepada Pemohon	
PJ/PPPBD	Sediakan surat makluman keputusan mesyuarat kepada pemohon dan jabatan berkaitan.
KU OSC	Semak surat dan tandatangan surat pemakluman
PO	Edar surat makluman keputusan kepada pemohon dalam tempoh 7 hari bekerja selepas mesyuarat Jawatankuasa OSC dan salinkan kepada jabatan teknikal dalaman PBT

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh
		Muka Surat: 16/15
		PINDAAN: 1

8. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod	Tempoh	Tempat
8.1	Borang Senarai Semak	20 tahun	Kaunter OSC/Laman Web MDKT
8.2	Fail Permohonan	20 tahun	OSC
8.3	Buku Daftar Permohonan	20 tahun	OSC

9.LAMPIRAN

Bil.	Lampiran	Rujukan
9.1	Surat Penerimaan Permohonan	MDKT/Bangunan. 01 L 01
9.2	Permohonan Kebenaran Merancang Menara Pemancar Telekomunikasi	MDKT/Bangunan. 01 L 03
9.3	Permohonan Pelan Bangunan	MDKT/Bangunan. 01 L 04
9.4	Permohonan Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan	MDKT/Bangunan. 01 L 05
9.5	Permohonan Pelan Lampu Jalan	MDKT/Bangunan. 01 L 06
9.6	Permohonan Pelan Landskap	MDKT/Bangunan. 01 L 07
9.7	Permohonan Permit Sementara Menara Pemancar	MDKT/Bangunan. 01 L 08




**PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

Tarikh

Muka Surat: 17/15

PINDAAN: 1

10. CARTA ALIR





**PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

Tarikh

Muka Surat: 18/15

PINDAAN: 1

